

NO. SOALAN: 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 9142

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peratusan bilangan warganegara Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan sejak 2010 sehingga kini berdasarkan kaum dan sama ada Kerajaan telah pun menyiasat sebab-sebab pelepasan kewarganegaraan tersebut. Sekiranya ya, nyatakan sebab-sebab tersebut dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah penghijrahan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan Malaysia daripada tahun 2010 sehingga April 2016 adalah seramai 56,575 orang dan perincian mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Kaum	Melayu	Cina	India	Lain- Lain	Jumlah Keseluruhan
Jumlah	834	49,864	1,833	4,044	56,575

Dalam hal ini, alasan pelepasan kewarganegaraan adalah kerana mereka telah memilih untuk tidak meneruskan menjadi warganegara Malaysia dan telah memperoleh kewarganegaraan negara lain.